

PM minta hormati institusi kekeluargaan

BH 3/8/03

PORT DICKSON: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat negara ini supaya terus mengekal dan menghormati institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak harus terpengaruh dengan gaya hidup sesetengah masyarakat di negara Barat yang melihat institusi perkahwinan dan kekeluargaan tidak lagi penting dalam menjalani kehidupan seharian ketika ini.

“Selaku orang Timur, kita mesti menghormati institusi perkahwinan dan kekeluargaan dan saya amat gembira masyarakat negara ini terus menghormati dan mengekalkannya bagi keharmonian dan kestabilan masyarakat di negara ini.

“Masyarakat di sesetengah negara Barat tidak lagi menganggap institusi perkahwinan dan kekeluargaan penting apabila mereka bebas bersekedudukan dengan tidak menghiraukan siapa ibu atau bapa anak yang dilahirkan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di Guoman Resort di sini, malam tadi.

Dr Mahathir menyatakan rasa gembira dengan sikap masyarakat negara ini yang terus mengekal institusi perkahwinan dan kekeluargaan, selain tidak terlalu membataskan pergaulan mereka.

“Dengan hubungan kekeluargaan yang kukuh, terutama dalam pejabat kita bukan saja dapat bekerjasama dalam satu unit, malah apabila menghadapi sebarang masalah atau malapetaka kita tidak akan kesunyian atau keseorangan,” katanya. Kira-kira 200 kakitangan di Pejabat Perdana Menteri bersama keluarga masing-masing menyertai hari keluarga itu.